

**SOALAN NO.40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL  
ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN  
[BUKIT KATIL]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk membiayai program Blue Ocean Strategy Online Training di kalangan penjawat awam dan bagaimanakah keberkesanan program ini diukur.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Blue Ocean Strategy Online Training* (BOS Online) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Program BOS Online bertujuan untuk mendorong perubahan *mindset* penjawat awam untuk berfikir secara kolaboratif bagi memecah dinding mentaliti silo dalam menjana idea-idea yang kreatif dan inovatif. Melalui pengaplikasian *tools and methodology* BOS yang praktikal, penjawat awam didorong untuk mengintegrasikan elemen BOS dalam perancangan serta pelaksanaan program dan aktiviti merentasi agensi yang berimpak tinggi dengan kos yang rendah dan pelaksanaan yang pantas.

Sehingga Disember 2017, Program BOS Online mensasarkan seramai 200,000 penjawat awam daripada pelbagai skim perkhidmatan dengan pelaburan Kerajaan sebanyak RM7.42 juta atau RM37.10 seorang. Sehingga 17 Oktober 2017, seramai 194,872 orang pegawai (97.4%) telah melengkapkan latihan BOS Online. Lanjutan dari latihan BOS Online, agensi-agensi Kerajaan digalakkan menubuhkan NBOS *Community of Practice* sebagai usaha berterusan pembelajaran dan pembangunan keupayaan penjawat awam menjana idea-idea yang kreatif dan inovatif. Penjanaan idea-idea yang kreatif dan inovatif merupakan antara indikator yang digunakan untuk menilai keberkesanaan Program BOS Online selain daripada perubahan sikap dan minda.